SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Pengenalan Solat

PENGERTIAN SOLAT

Satu ibadat khusus yang menghubungkan hamba dengan Tuhan mengandungi beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam.

وَأَقِيمُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُواْ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرۡكَعُواْ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Dalil Kewajipan solat:
"Dan dirikanlah kamu akan solat dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang rukuk."

(Surah al-Baqarah: ayat 43)

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Syarat Sah Solat

1. Suci dari hadas kecil dan besar
2. Tiada najis pada tubuh, pakaian & tempat solat
3. Menutup aurat
4. Telah masuk waktu solat
5. Menghadap kiblat

Rujuk: Al-Bahr al-Wafi, halaman 16-65.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

WAKTU DITEGAH UNTUK MELAKUKAN SOLAT

- Selepas solat Subuh.
- Ketika matahari terbit sehingga naik sekadar segalah (antara 15-20 minit).
- Ketika *istiwa'* (matahari tegak di atas kepala, sekadar 2.5 minit sebelum Zohor) kecuali hari Jumaat.
- Selepas solat Asar sehingga matahari terbenam.

NOTA Tiada waktu Tahrim di Tanah Haram Makkah.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

13 Rukun Solat








1. Niat
2. Takbiratul ihram
3. Berdiri bagi yang mampu
4. Membaca surah al-Fatihah
5. Rukuk dengan tama'ninah
6. I'tidal dengan tama'ninah
7. Sujud 2 kali, dengan tama'ninah
8. Duduk antara 2 sujud, dengan tama'ninah
9. Duduk tasyahhud akhir
10. Membaca tasyahhud akhir
11. Selawat atas Nabi S.A.W dalam tasyahhud akhir
12. Memberi salam
13. Tertib

NOTA

Tama'ninah ialah tenang, berhenti seketika dan tidak terburu-buru.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Sunat Ab'adh

1. Duduk, membaca tahiyyat awwal dan selawat ke atas Nabi S.A.W..
2. Membaca selawat ke atas keluarga Nabi selepas membaca tahiyyat akhir.
3. Membaca doa qunut ketika i'tidal rakaat kedua solat subuh.

NOTA

- Sekiranya meninggalkan sunat Ab'adh, Jemaah disunatkan melakukan sujud sahwi.
- Makmum mesti mengikut imam di mana sahaja dia berada.

Sunat Hai'ah

Sunat Hai'ah itu banyak di antaranya:

1. Mengangkat tangan ketika takbiratul ihram, rukuk, i'tidal dan bangun dari tahiyyat awwal.
2. Meletak tangan kanan di atas tangan kiri ketika berdiri.
3. Melihat tempat sujud.
4. Membaca doa iftitah.
5. Membaca isti'azah sebelum membaca surah al-Fatihah.
6. Menyebut amin (آمين) selepas membaca surah al-Fatihah.
7. Takbir intiqalat.

PERKARA MAKRUH DALAM SOLAT

1. Memalingkan kepala ketika solat, kecuali kerana keperluan.
2. Mendongak ke atas.
3. Bermain-main dengan mana-mana anggota badan.
4. Hujung baju disingsing ketika solat.
5. Rambut terikat ketika solat bagi lelaki.
6. Solat dalam keadaan lapar ketika makanan telah dihidangkan.
7. Solat ketika menahan kentut, kencing dan air besar.
8. Solat dalam keadaan terlalu mengantuk.
9. Solat di tempat berikut: bilik air, kawasan perkuburan, gereja, tempat sampah, tempat unta duduk dan pasar.

**Rujuk: Fiqh Manhaji jilid 1 muka surat 194-198.*

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

PERKARA YANG MEMBATALKAN SOLAT

1. Bercakap dengan sengaja.
2. Perbuatan atau pergerakan yang banyak.
3. Baju atau badan yang terkena najis.
4. Aurat terbuka.
5. Makan dan minum.
6. Berhadas sebelum salam yang pertama.
7. Berdehem, ketawa, menangis dan mengerang sakit.
8. Mengubah niat.
9. Membelakangkan kiblat dengan sengaja.

Rujuk: Fiqh Manhaji jilid 1 muka surat 202-205.

NOTA Memandang Kaabah semasa solat dihukumkan makruh.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Solat Jenazah

SOLAT JENAZAH

- Hukum: Fardhu Kifayah.
- Biasa ditunaikan selepas selesai solat fardhu.
- Wanita juga boleh menunaikan solat jenazah berjemaah bersama-sama dengan lelaki.

RUKUN SOLAT JENAZAH

- Niat mendirikan solat jenazah.
- Berdiri bagi yang berkuasa.
- Empat kali takbir.
- Memberi salam.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Rukun Solat Jenazah

- **Lafaz niat solat jenazah:**

أُصَلِّي عَلَى هَذَا الْمَيِّتِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرْضَ الْكِفَايَةِ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Lafaz

Sahaja aku solat atas mayat ini, 4 takbir fardhu kifayah, makmum, kerana Allah Ta'ala.

- **Membaca al-Fatihah selepas takbir yang pertama**
- **Berselawat selepas takbir ke-2, sekurang-kurangnya:**

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Rukun Solat Jenazah

- **Berdoa bagi mayat selepas takbir ke-3 sekurang-kurangnya:**

  (Jika Mayat Lelaki) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ وَارْحَمْهُ وَعَافِهِ وَاعْفُ عَنْهُ

  (Jika Mayat Wanita) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهَا وَارْحَمْهَا وَعَافِهَا وَاعْفُ عَنْهَا

  (Jika Mayat Ramai) اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُمْ وَارْحَمْهُمْ وَعَافِهِمْ وَاعْفُ عَنْهُمْ

- **Salam selepas takbir ke-4:** السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Solat Jumaat

NIAT SOLAT JUMAAT

Lafaz أُصَلِّي فَرْضَ الْجُمُعَةِ رَكْعَتَيْنِ أَدَاءً مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى

Sahaja aku solat fardhu Jumaat dua rakaat mengikut imam tunai kerana Allah Ta'ala.

NOTA

- Di Tanah Suci, azan pertama pada hari Jumaat dilaungkan setengah jam sebelum masuk waktu.
- Jemaah tidak boleh menunaikan solat sunat Qabliyyah dan solat zuhur pada waktu tersebut sebab belum masuk waktu.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Solat Jumaat (Wanita)

Sabda Rasulullah S.A.W.:

"Solat jumaat itu wajib dikerjakan oleh tiap-tiap orang Islam dengan berjemaah, kecuali empat (4) jenis manusia: hamba sahaya yang dimiliki, perempuan, anak-anak dan orang yang sakit."

(Hadis Riwayat Abu Daud & Hakim)

Kesimpulan:

- Wanita tidak wajib solat Jumaat.
- Jika mereka solat juga, hendaklah duduk di kawasan yang ditetapkan.
- Selesai solat Jumaat, wanita tidak perlu solat zuhur.
- Lebih afdhal solat zuhur di kediaman sendiri.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Solat Jumaat



Berdasarkan pandangan mazhab Maliki dan Hanbali;

Jemaah haji boleh menunaikan Solat Jumaat mengikut imam di Masjid al-Haram ketika kesesakan sehingga terhalang dan menyebabkan terputus saf yang melebihi 300 hasta (135 meter) asalkan mereka mendengar secara langsung suara imam atau mengetahui pergerakan imam dari satu rukun ke satu rukun yang lain.

Resolusi Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan Kali Ke-39 Musim Haji 1444H/2022M.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Pengertian makmum masbuq dan muwafiq:

MASBUQ	Makmum yang tidak sempat membaca al-Fatihah sebelum imam rukuk. Tidak wajib menyempurnakan bacaan surah al-Fatihahnya, hanya baca sekadar yang dapat dan dikehendaki rukuk bersama–sama dengan imam.
MUWAFIQ	Makmum yang sempat menyempurnakan bacaan surah al-Fatihah sebelum imam rukuk dengan bacaan yang sederhana (pertengahan).

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Adalah diharuskan solat berjemaah dengan berimam kepada imam Masjid al-Haram di surau yang mana hotelnya bersambung dengan dataran atau kawasan Masjid al-Haram. Keharusan ini terpakai ketika *zahmah qaswa* (sangat sesak) seperti waktu kemuncak haji dan solat Jumaat. Walaupun begitu, digalakkan turun untuk solat bersama imam di masjid dan bukanlah di hotel.

***RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-35.**

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Syarat Mengikut Imam

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Ketika keadaan yang sangat sesak di Masjid al-Haram seperti waktu kemuncak haji dan solat Jumaat, diharuskan solat berjemaah di surau hotel dengan berimam kepada Imam Masjid al-Haram. Keharusan ini dengan dua syarat:

a. Hotelnya bersambung dengan dataran Masjid al-Haram; dan

b. Ketika berdiri, Jemaah di surau hotel dapat melihat orang yang sedang solat berjemaah di dalam Masjid al-Haram atau di datarannya.

***RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-40.**

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Bagi hotel yang tidak memenuhi syarat (a) dan (b) di atas, juga diharuskan solat berjemaah di surau hotel itu dengan berimam kepada Imam Masjid al-Haram jika memenuhi dua syarat berikut:

a. Orang-orang yang berdiri solat di surau hotel itu dapat melihat orang yang sedang bersolat Jemaah mengikut Imam Masjid al-Haram di jalanan atau kaki lima; dan
b. Orang-orang bersolat di jalanan atau di kaki lima itu berada di saf-saf yang bersambungan hingga ke Masjid al-Haram.

Walaupun diharuskan solat di surau hotel berimamkan Imam di Masjid al-Haram dalam situasi yang dinyatakan di atas, adalah lebih afdhal untuk turun berjemaah bersama Imam di kawasan masjid berbanding solat di surau hotel.

***RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-40.**

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Solat Jama', Qasar dan Solat Hormat Waktu

1. Jemaah boleh melaksanakan solat secara jama' dan qasar semasa dalam perjalanan dari tanah air ke tanah suci ataupun perjalanan dari Makkah ke Madinah atau sebaliknya.

2. Apabila jemaah sampai di tempat bermukim (4 hari 3 malam), mereka tidak dibolehkan untuk menunaikan solat secara jama' atau qasar.

3. Jemaah harus melakukan solat hormat waktu sekiranya tiada kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau berhalangan menggunakan air.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Solat Hormat Waktu

- Solat fardhu yang didirikan oleh orang yang tidak ada kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau berhalangan menggunakan air atau debu (faqid al-tahurayn).
- Solat ini ditunaikan kerana menghormati waktu solat dalam masanya.
- Hanya boleh dilakukan secara jama' ta'khir dan qasar.
- Wajib mengulangi solat tersebut apabila dia memperolehi kemudahan atau kemampuan untuk bersuci atau tiada berhalangan menggunakan air jika waktu solat masih ada.
- Wajib qada' (ganti) jika waktu solat telah luput.
- Jika jemaah tersebut masih dalam musafir harus qada' solat secara jama' dan qasar tetapi apabila telah sampai ke rumah perlu qada' solat tersebut secara sempurna.

**Rujuk: Fiqh Ibadat Tabung Haji.*

SITUASI HARUS UNTUK MENUNAIKAN SOLAT FARDHU SECARA HORMAT WAKTU

1. Semasa berada dalam kapal terbang pulang dari Tanah Suci dan jemaah tidak mampu menghadap ke arah kiblat.

2. Dalam perjalanan menuju ke Arafah, apabila jemaah haji keluar dari bangunan penginapan selepas menunaikan solat zuhur dan tiba di Arafah selepas masuknya waktu maghrib. Harus untuk menunaikan solat fardhu asar secara hormat waktu.

3. Ketiadaan air untuk bersuci dan debu untuk bertayammum.

PENGERTIAN SOLAT JAMA' DAN QASAR

SOLAT QASAR

Solat Qasar bermaksud memendekkan bilangan rakaat bagi solat zuhur, asar dan isyak. Ia ditunaikan secara 2 rakaat sahaja.

SOLAT JAMA'

Solat Jama' bermaksud menghimpunkan solat zuhur dengan asar dan solat maghrib dengan isyak.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

Solat Jama' dan Qasar

Syarat Sah Solat Qasar

1. Perjalanan itu hendaklah diharuskan oleh syarak.
2. Jarak perjalanan dari tempat asal ke destinasi adalah dua marhalah atau lebih (81 km).
3. Berniat solat qasar ketika takbiratul ihram.
4. Tidak menjadi makmum kepada orang yang solat tamam.
5. Solat yang diqasar adalah solat yang 4 rakaat.

JAMA' TAQDIM

Jama' Taqdim ialah menghimpunkan solat zuhur dan asar dalam waktu zuhur atau menghimpunkan solat maghrib dan isyak dalam waktu maghrib.

Syarat Sah Jama' Taqdim:

1. Hendaklah mendahulukan solat pertama dari solat yang kedua. Contohnya mendirikan solat zuhur kemudian solat asar.
2. Berniat jama' taqdim dalam solat pertama sebelum memberi salam.
3. Berturut-turut antara kedua solat yang dijama'kan.
4. Berkekalan perjalanan sehingga takbiratul ihram solat yang kedua.

JAMA' TA'KHIR

Menghimpunkan solat zuhur dan asar dalam waktu asar atau menghimpunkan solat maghrib dan isyak pada waktu isyak.

Syarat Sah Jama' Ta'khir:

1. Berniat jama' pada waktu pertama iaitu zuhur atau maghrib.
2. Berkekalan perjalanan sehingga memberi salam solat yang kedua.

**Rujuk: Fiqh Ibadat Tabung Haji muka surat 167-168.*

//RESOLUSI MUZAKARAH HAJI

Semasa perjalanan Makkah/Madinah/Jeddah/Malaysia, Jemaah haji boleh solat jama' dan qasar. Namun jika ada masalah tidak boleh solat jama' dan qasar dalam perjalanan, Jemaah haji boleh jama' ta'khir secara tamam apabila sampai di destinasi. Ini berdasarkan pendapat Mazhab Hanbali yang membolehkan jama' ta'khir di destinasi, jika dia masih dalam keadaan musafir semasa tamat waktu pertama.

*RESOLUSI MUZAKARAH HAJI PERINGKAT KEBANGSAAN KE-39.

SOLAT FARDHU DAN SOLAT SUNAT DI TANAH SUCI

ISU-ISU BERKAITAN SOLAT DI MASYA'IR

1. Harus jama' solat fardhu di Arafah, Muzdalifah dan Mina
2. Solat hendaklah disempurnakan secara tamam (tidak qasar)
3. Sebab diharuskan jama' kerana masyaqqah (kemudahan asas wuduk dan tandas yang terhad) dan hajat (keperluan)

KESIMPULAN

1. Setiap Jemaah Haji, sama ada lelaki mahupun wanita, wajib menjaga aurat mengikut ketetapan syarak sepanjang tempoh ibadat Haji.

2. Bagi jemaah haji wanita, keizinan daripada suami perlu diperoleh bergantung kepada jenis ibadat dan perjalanan yang akan dilalui.

3. Beristinjak dan berwuduk dengan sempurna amat penting bagi memastikan kebersihan dan kesucian diri terpelihara untuk menunaikan ibadat dengan sah dan sempurna.

4. Para jemaah perlu memahami dan menjaga syarat sah, rukun serta perkara-perkara yang membatalkan solat bagi memastikan ibadat diterima oleh Allah S.W.T..

DOA MOHON HAJI YANG MABRUR

اللَّهُمَّ اجْعَلْهُ حَجًّا مَبْرُورًا وَذَنبًا مَغْفُورًا وَسَعْيًا مَشْكُورًا وَعَمَلًا صَالِحًا مَقْبُولًا وَتِجَارَةً لَن تَبُورَ



Ya Allah, Ya Tuhan kami kurniakanlah haji yang mabrur dan ampunkanlah dosa-dosa hamba dan pekerjaan haji yang dipuji, amalan soleh yang diterima dan perniagaan yang tidak merugikan.



SEMOGA SEMUA BAKAL JEMAAH HAJI YANG DIKASIHI
DIBERIKAN OLEH ALLAH S.W.T.

KESABARAN & KETENANGAN

SERTA DIDOAKAN MENDAPAT SEBAIK-BAIK

GANJARAN

Haji Yang Mabrur &
Umrah Yang Maqbulah